

Rakyat diingatkan UM 15 MAR 1986 jangan terpedaya

IPOH 14 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini mengingatkan rakyat supaya tidak diperdayakan oleh golongan yang mahu memecahkan perpaduan rakyat, malah hendaklah bersatu padu memperluatkannya lagi.

Perdana Menteri menekankan, bahawa berbaik-baik antara orang Islam dengan yang bukan Islam bukanlah satu perkara yang luar biasa, malah ia telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan lain-lain khalifah juga.

Berucap dalam satu perhimpunan perpaduan 5,000 rakyat di Stadium Mini Bakri Rais Bota Kanan dekat Parit petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, kini terdapat golongan tertentu sedang memperjuangkan diri sendiri untuk mendapatkan kerusi pilihanraya.

Mereka akan datang menemui rakyat

dengan satu tujuan tanpa memikirkan masa hadapan bangsa dan negara.

Beliau memberitahu, kalangan tersebut tidak memikirkan tentang nasib rakyat, sekalipun menimbulkan huru-hara "yang penting bagi mereka ialah menang pilihanraya."

Perdana Menteri menyebut betapa rakyat adalah bertanggungjawab untuk menolak sebarang usaha pihak terlibat.

Malahan, kata beliau, rakyat harus tidak membiarkan diri mereka diperdaya oleh golongan pemecah, kerana jika berlaku huru-hafa dan kalam kabut yang rugi ialah rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengajak rakyat bersatu padu dan mengekalkan perpaduan yang ada yang kelak akan mendorong mereka sendiri mendapat rahmatnya.

Katanya, selagi perpaduan dapat dipertahan Malaysia akan terus dihormati oleh dunia.

Perdana Menteri berkata, Islam tidak pernah mengajar umatnya memutuskan perhubungan sesama saudara keluarganya, meskipun ada di antara persaudaraan itu tidak beragama Islam.

Beliau berkata, Nabi Muhammad telah memberikan contoh yang seharusnya diikuti oleh kita, kerana Nabi sendiri tidak pernah memutuskan perhubungan keluarga ke atas keluarganya yang tidak Islam ketika itu.

"Inilah yang kita buat sekarang dan sepatutnya PAS akan kembali kepada ajaran yang benar," kata beliau.

Beliau mengingatkan, perbuatan memutuskan hubungan persaudaraan adalah berdosa dan percaya rakyat tidak akan terpengaruh dengan tindak tanduk yang mementingkan diri seperti mana dilakukan oleh PAS itu.